

**KAJIAN KEBERKESANAN SULH DI MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR DAN NEGERI SEMBILAN**

***THE STUDY ON THE EFFECTIVENESS OF SULH IN THE SYARIAH COURTS OF
SELANGOR, THE FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR AND NEGERI SEMBILAN***

ⁱShahirah Hafiz Mohd Tahir Naeem ⁱⁱNurdila Husna Amran ⁱⁱⁱNurul Nabillah Asmawi ^{iv}Fauzan Hafidzi Mustakim and
^vHendun Abd Rahman Shah

^{i, ii, iii, iv, v} Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: hendun@usim.edu.my

ABSTRACT

Islam encourages its people to choose the path of reconciliation when there is disagreement between husband and wife. In the Syariah Court, the main method used to resolve disputes between married couples is through the Sulh method to speed up the Court's process in dealing with domestic conflicts. This method is strongly advocated by Islamic jurisprudence because it not only serves to resolve problems and conflicts, but also emphasizes the concept of reconciliation and mutual agreement between the parties involved. In the context of Islamic law in Malaysia, sulh is mainly used to resolve cases of family-related disputes, as provided in the Acts or Enactments of the Administration of Islamic Law of the States and the Islamic Family Law. Therefore, this study discusses the extent of the effectiveness of the Sulh Council as a medium to resolve cases in the Syariah Court in Selangor, Federal Territory of Kuala Lumpur and Negeri Sembilan. This study uses content analysis and critical research methods including literature review guided by primary and secondary sources as well as analysis of sulh case data in court. The results of the study showed a positive increase in case resolution through Sulh based on the annual statistics reported. Several suggestions are also put forward at the end of this paper, which are considered relevant to be applied in accordance with current technological developments.

Keywords: *Sulh Council, Syariah Court, Reconciliation, Dispute, Family Law.*

ABSTRAK

Islam menggalakkan umatnya untuk memilih jalan perdamaian ketika berlakunya perselisihan faham diantara suami dan isteri. Di Mahkamah Syariah, kaedah utama yang digunakan untuk menyelesaikan pertikaian dalam kalangan pasangan suami isteri adalah melalui kaedah Sulh bagi mempercepatkan proses Mahkamah dalam menangani konflik rumahtangga. Kaedah ini amat dianjurkan oleh perundangan Islam kerana ia bukan sahaja berfungsi untuk menyelesaikan masalah dan konflik, malah menekankan konsep perdamaian dan persetujuan bersama antara pihak-pihak yang terlibat. Dalam konteks perundangan Islam di Malaysia, sulh terutamanya digunakan untuk menyelesaikan kes-kes perbalahan berkaitan kekeluargaan, seperti yang diperuntukkan dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-negeri dan Undang-undang Keluarga Islam. Justeru, kajian ini membincangkan sejauhmana keberkesanan Majlis Sulh sebagai medium untuk menyelesaikan kes-kes di Mahkamah Syariah di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian analisis kandungan dan kritis termasuk kajian kepustakaan berpandukan sumber primer dan sumber sekunder serta membuat analisa data kes sulh yang didaftarkan di mahkamah. Hasil kajian menunjukkan peningkatan positif dalam penyelesaian kes melalui Sulh berdasarkan statistik tahunan yang dilaporkan. Beberapa cadangan juga dikemukakan di akhir makalah ini, yang dianggap relevan untuk diaplikasikan sesuai dengan perkembangan teknologi semasa.

Kata Kunci: *Majlis Sulh, Mahkamah Syariah, Perdamaian, Pertikaian, Undang-Undang Keluarga*

Pendahuluan

Mutakhir ini, konsep penyelesaian luar mahkamah semakin hari semakin mendapat sambutan di kalangan masyarakat yang dikenali sebagai perundingan (Sulh). Sulh telah lama diperkenalkan sejak tahun 2002 dan merupakan satu kaedah alternatif luar daripada kaedah perbicaraan di mahkamah di mana lebih menjimatkan masa dan kos yang rendah. Tambahan pula, perbicaraan bukanlah jalan utama yang perlu dijalani oleh pihak-pihak untuk menyelesaikan pertikaian sebaliknya cara yang lebih baik adalah melalui rundingcara secara damai antara pihak-pihak yang bertikai. Walau bagaimanapun, penyelesaian secara perbicaraan merupakan pilihan terakhir sekiranya penyelesaian secara sulh gagal mendapatkan persetujuan dan kesepakatan di antara kedua-dua pihak. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana keberkesanan sulh dalam menangani isu lambakan kes yang difailkan dan membuka ruang bagi pihak-pihak membuat keputusan secara sukarela melalui majlis sulh yang dijalankan di Mahkamah Syariah di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan.

Sorotan Literatur

Unit Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah telah ditubuhkan pada 1 September 2006. Penubuhan unit Sulh ini adalah berdasarkan kepada Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003. Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan sekarang mempunyai 8 orang pegawai Sulh yang telah ditempatkan di setiap Mahkamah Syariah daerah-daerah di Negeri Sembilan. Setiap Mahkamah Syariah Daerah telah menempatkan seorang Pegawai Sulh untuk membawa kes-kes yang boleh Sulh di daerah tersebut (JKSNS, 2023).

Kaedah Sulh secara lazminya digunakan dalam konteks perundangan keluarga atau penyelesaian konflik kes *Mal* memandangkan hanya kes-kes tertentu sahaja boleh menjalani Sulh di mahkamah. Perincian keberkesanan kes Sulh turut dibincangkan dalam penulisan artikel oleh Asmidah Ahmad (A. Ahmad et. al, 2015) yang menjalankan analisis kes Sulh khusus di Wilayah Persekutuan berdasarkan pengkelasan kes berjaya dan gagal bagi kes terpilih yang popular di Wilayah Persekutuan seperti tuntutan mutaah, tuntutan harta sepencarian, tuntutan nafkah iddah, nafkah anak dan hadhanah atau hak jagaan anak oleh sebab kes-kes terbabit merekodkan pendaftaran yang paling tinggi. Penulisan ini turut menjelaskan tentang hak penyertaan kanak-kanak dalam mediasi Sulh yang boleh diambil kira kerana anak mempunyai hak bersuara dalam penentuan masa depannya dengan kehadiran pegawai atau

penasihat kanak-kanak yang dilihat boleh membantu memelihara kebajikan anak tadi khususnya dalam kes Hadhanah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian analisis kandungan dan kritis termasuk kajian perpustakaan. Kaedah kajian perpustakaan digunakan untuk mengumpul dan mengenal pasti bahan bacaan yang berkaitan dengan isu yang diketengahkan di dalam artikel ini seperti jurnal, artikel, kertas prosiding, buku-buku, manual proses Sulh dan kitab-kitab dalam Bahasa Arab. Objektif kajian ini tertumpu kepada analisa kes-kes di Mahkamah Syariah yang melibatkan tiga buah negeri iaitu Negeri Selangor, Wilayah-Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan. Dapatan awal artikel ini mendapati bahawa peratusan kes-kes yang dibawa ke Majlis Sulh menunjukkan trend yang positif dan mencapai objektif Sulh itu diamalkan di Mahkamah Syariah. Mahupun begitu di pertengahan artikel ini membincangkan bagaimana sesuatu Majlis Sulh itu memaparkan data yang berupa faktor ataupun pendorong yang menyebabkan suatu Majlis Sulh yang diadakan itu gagal. Artikel ini mengambil beberapa metodologi penyelidikan dengan penuh berhati-hati dan secara teratur. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dan merupakan satu kajian perundangan.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Konsep Sulh

Sulh berasal dari perkataan Bahasa Arab iaitu al-sulh yang merupakan kata nama (al-ism) yang berasal daripada kata kerja (fi'il) salah bermaksud membawa al-tasaluh wa al-musalahah, iaitu saling berdamai selepas bertikai al-munazalah. Sementara Al- Raghīb al-Asfihani pula menyatakan sulh dikhususkan bagi maksud menamatkan pertikaian antara manusia. Sulh menurut syarak ialah suatu akad bagi menamatkan pertikaian di antara dua pihak yang bertikai dan Majallah al-Ahkam pula menyatakan sulh merupakan akad menyelesaikan pergaduhan dengan keredhaan pihak-pihak dan ia sah dengan ijab dan qabul. Menurut Atras Mohamad Zin, majlis sulh merupakan suatu proses di mana pihak-pihak yang bertikai terhadap satu atau lebih daripada tuntutan yang dibuat di mahkamah syariah dipanggil dan dipertemukan dalam suatu majlis perundingan dipimpin secara rasmi yang diatur oleh mahkamah berdasarkan prosedur tertentu dan seandainya perdamaian tercapai melalui perjanjian penyelesaian, ianya akan direkodkan sebagai suatu perintah mahkamah tanpa perlu melalui proses percabaran biasa. Oleh yang demikian, berdasarkan definisi yang diberikan dapat disimpulkan bahawa sulh merupakan keputusan atau hasil dari suatu perdamaian atau persetujuan oleh pihak-pihak yang bertikai. Takrifan ini secara umumnya menerangkan bahawa sulh menyerupai konsep perundingan (negotiation) iaitu penyelesaian pertikaian oleh pihak-pihak yang bertelagah tanpa melibatkan pihak ketiga atau pengantara. Namun, jika dilihat pada kerangka *metode* penyelesaian yang lebih luas, sulh yang bermaksud perdamaian boleh diaplikasikan menggunakan pengantara dengan mengambil prinsip yang terdapat pada tahkim dan sulh secara wakil yang diharuskan syarak. Konsep sulh menggunakan pengantara ini menyerupai konsep mediasi konvensional.

Sulh Menurut Syarak dan Perundangan

Galakan sulh dapat dilihat melalui dalil-dalil daripada Al-Quran, hadith Nabi SAW dan Ijmak ulama. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya). Kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai); sedang sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semula jadi yang ada pada manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan), dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka Sesungguhnya Allah maha mendalam pengetahuannya akan apa yang kamu lakukan”.

(Surah an-Nisa' 4: 128)

Sulh juga diharuskan berdasarkan firman Allah SAW yang bermaksud:

“Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar”.

(Surah an-Nisa 4: 114)

Selain itu, pengharusan yang serupa boleh diperhatikan melalui sabda Nabi SAW yang cenderung kepada penyelesaian secara sulh melalui sebuah hadis yang diriwayatkan dari Amru bin `Awf yang bermaksud:

“Perdamaian (sulh) hukumnya adalah harus di antara orang Islam melainkan menjadi haram jika ia mengharamkan apa yang dihalalkan dan menghalalkan apa yang diharamkan dan sebenarnya Orang Islam itu terikat dengan janjinya kecuali dalam perkara yang mengharamkan apa yang telah dihalalkan dan sebaliknya.”

(Hadis Riwayat Tarmizi)

Seterusnya, punca kuasa bagi melaksanakan majlis Sulh boleh dilihat dalam Seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah Negeri Selangor yang menyatakan bahawa:

“Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan Sulh bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak.”

Dalam menerangkan tatacara pelaksanaan Sulh, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah menggariskan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) berkaitan pelaksanaan Sulh bagi memastikan negeri-negeri dapat melaksanakan proses sulh dengan berkesan.

Fungsi dan Peranan Majlis Sulh di Malaysia

Sulh dapat diperincikan dengan fungsi dan peranannya yang menjadi amalan khususnya di Mahkamah Syariah di Malaysia. Sulh merupakan satu peruntukan khas yang disediakan sebagai alternatif penyelesaian masalah yang lebih mudah, cepat dan menjimatkan masa dan kos. Ia juga merupakan satu kaedah pelaksanaan yang membantu mempercepatkan penyelesaian kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah memandangkan konteks Majlis Sulh yang dibincangkan ialah berkenaan Majlis Sulh yang dijalankan di mahkamah.

umumnya, terdapat 18 jenis tuntutan atau jenis kes Sulh yang boleh dilaksanakan tanpa perlu melalui prosiding perbicaraan seperti dalam Arahan Amalan No.1 2010. Kes-kes yang berikut perlu dirujuk ke Majlis Sulh semasa peringkat pendaftaran kes di Mahkamah Syariah:

- 1) Ganti rugi Pertunangan
- 2) Mut'ah
- 3) Harta Sepencarian
- 4) Nafkah Isteri
- 5) Nafkah Kepada Pihak Tak Upaya
- 6) Cagaran Nafkah
- 7) Nafkah Eddah
- 8) Mengubah Perintah Nafkah
- 9) Tunggakan Nafkah
- 10) Nafkah Anak
- 11) Mengubah Perintah Hak Jagaan Anak
- 12) Mengubah Perjanjian Hak Jagaan Anak
- 13) Hadhanah
- 14) Ganti rugi Perkahwinan
- 15) Hak Tempat Tinggal
- 16) Perintah Supaya Suami Tinggal Bersama Semula
- 17) Isteri Kembali Taat
- 18) Mas Kahwin

Majlis Sulh itu hendaklah berfungsi dengan kehadiran seorang Pegawai Sulh sebagai mediator atau pemudahcara yang bertugas di Mahkamah Syariah yang membimbing perbincangan pihak-pihak bertikai dalam mencapai persetujuan bersama dalam menyelesaikan masalah dan isu berbangkit. Secara umumnya, apabila Majlis Sulh berjaya mencapai persetujuan pihak-pihak, Pegawai Sulh akan menderaf perjanjian penyelesaian untuk ditandatangani oleh pihak-pihak berdasarkan terma yang telah dipersetujui secara bersama. Perjanjian penyelesaian yang telah ditandatangani akan dihantar kepada hakim di mahkamah untuk diendors sebagai satu perintah mahkamah yang mengikat pihak-pihak.

Antara peranan dan tujuan Majlis Sulh diadakan ialah untuk membimbing menyelesaikan konflik pihak yang bertikai dalam mencari solusi damai secara penyertaan sukarela antara para pihak tanpa harus melalui proses perbicaraan yang panjang. Majlis Sulh mengamalkan konsep penghakiman atas persetujuan pihak-pihak yang boleh direkodkan pada bila-bila masa sepanjang Majlis Sulh tersebut dijalankan yang mana ia berbeza dengan proses litigasi yang dijalankan di hadapan hakim yang memerlukan kepada perbicaraan dan keputusan kes ditentukan oleh hakim. Majlis Sulh memberi kuasa kepada pihak-pihak untuk membuat keputusan penyelesaian masalah yang mana lebih mudah untuk diterima dan dilaksanakan kerana ia dibuat berdasarkan persetujuan bersama tanpa paksaan mana-mana pihak.

Pegawai Sulh berperanan untuk memfasilitasi pihak-pihak mencapai persetujuan. Pegawai Sulh akan membimbing perbincangan dengan melihat kepada kepentingan dan keperluan pihak-pihak pada masa kini dan masa akan datang bukannya satu persidangan atau perundingan untuk menyalahkan antara satu sama lain atau mengungkit perkara yang tidak berkaitan. Bahkan, Majlis Sulh ini adalah bersifat terpinpin dan bukannya dominasi sebelah pihak. Pegawai Sulh berperanan sebaik mungkin untuk adil, tidak bias dan bersikap neutral. Bukan itu sahaja, antara salah satu kelebihan menjalankan sesi Sulh sebagai jalan penyelesaian masalah ialah kerana prosedur Sulh ialah bersifat sulit dan rahsia. Ini bermaksud, Pegawai Sulh mempunyai tanggungjawab untuk merahsiakan segala maklumat dan perbincangan yang berlangsung seterusnya tidak akan mendedahkannya kepada mana-mana pihak sesuai dengan pematuhan etika seorang Pegawai Sulh. Ini menunjukkan Majlis Sulh lebih tersusun dan memenuhi keperluan pihak-pihak untuk mencapai persepakatan berbanding perundingan yang dilakukan antara pihak-pihak sahaja kerana terdapat potensi ia akan terdedah kepada faktor-faktor yang tidak berkaitan kerana tiada pihak yang boleh memimpin perundingan terbabit.

Selain itu, Majlis Sulh berperanan untuk menjimatkan masa. Erti kata lain, Sulh adalah salah satu alternatif penyelesaian konflik yang munasabah dan amat relevan untuk diamalkan di mahkamah dalam usaha untuk membantu mengurangkan beban kerja dan lambakan kes di Mahkamah Syariah dengan mendorong penyelesaian konflik di luar proses perbicaraan. Hal ini dapat membantu mempercepatkan lagi "queue" penyelesaian kes tanpa pihak mahkamah perlu berhadapan dengan lambakan kes yang masih dalam giliran menunggu yang dibawa di hadapan hakim di samping pihak-pihak yang bertikai turut senang hati sekiranya kes mereka dapat diselesaikan dengan mudah dan cepat serta dapat mengurangi kos yang perlu ditanggung dengan adanya alternatif Majlis Sulh sebagai pemudahcara.

Kajian Perbandingan Keberkesanan Sulh di Mahkamah Syariah di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), dan Negeri Sembilan

1) Analisa Kes-Kes Sulh di Selangor

Sulh dalam konteks pelaksanaannya di Mahkamah Syariah merupakan suatu proses di mana pihak yang terlibat di dalam suatu pertikaian terhadap sesuatu atau beberapa tuntutan di Mahkamah Syariah dipanggil dan dipertemukan di dalam suatu majlis perundingan terpinpin secara rasmi yang dikendalikan oleh Pegawai Sulh yang bertauliah dan diatur oleh mahkamah berdasarkan prosedur tertentu (Zaini Nasohah, 2012). Pegawai yang dilantik terikat dengan Manual Kerja Sulh yang menjadi panduan dalam mengendalikan majlis perundingan di Mahkamah secara tak langsung mewujudkan suatu kaedah yang sistematik dan setara yang perlu dipatuhi.

Majlis Sulh merupakan salah satu alternatif bagi penyelesaian kes dalam masa yang singkat dan termudah sebagai satu pendekatan untuk membantu, memimpin dan memandu pihak-pihak yang bertikai dalam mencapai titik persetujuan sekaligus mengurangkan lambakan kes yang tertunggak di

Mahkamah. Justeru, dalam kajian ini para pengkaji akan membuat perbandingan bagi mengukur keberkesanan pelaksanaan Majlis Sulh di Mahkamah Syariah di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) dan Negeri Sembilan.

Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) yang dipaparkan melalui Portal Rasmi Dewan Negeri Selangor, hasil Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Tahun 2017 mencatatkan bilangan 10 keseluruhan kes di Mahkamah Syariah Negeri Selangor sepanjang tahun 2013 hingga 2016, bagi kes Mal adalah sebanyak 70,289 kes dan kes jenayah adalah sebanyak 13,105 kes. Oleh itu, jumlah keseluruhan kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah bagi tempoh tersebut adalah sebanyak 83,394. Antara langkah yang diambil bagi melicinkan proses penyelesaian kes di Mahkamah adalah pelaksanaan proses Mediasi (Sulh) yang menyediakan pengantara bagi pihak-pihak yang bertikai untuk membantu penyelesaian kes secara persetujuan bersama dan pelantikan Pegawai Sulh bagi memenuhi kekurangan jawatan.

Memetik kenyataan Ketua Hakim Syarie Negeri Selangor, Datuk Mohammad Adib Husain melalui laporan Sinar Harian Online pada 14 Disember 2021, "Pelaksanaan Sulh di mahkamah syariah membantu selesaikan 50 peratus kes yang berdaftar berkaitan tuntutan-tuntutan tersebut melalui Majlis Sulh". Menurut beliau, JAKESS berjaya menyelesaikan sejumlah 161 kes tuntutan selepas perceraian melalui Majlis Sulh yang dijalankan secara dalam talian setakat September 2021 yang mencatatkan sebanyak 100 kes berjaya mencapai persetujuan, 59 kes gagal dan selebihnya tidak hadir ke Majlis Sulh. Menurut laporan Selangorkini oleh Zareef Muzammil pada 15 Disember 2022, JAKESS berjaya menyelesaikan 7,731 kes tuntutan selepas perceraian menerusi pendekatan Sulh sejak 2017 hingga Oktober 2022 iaitu sebanyak 71 peratus daripada keseluruhan 10,351 kes yang dijalankan sepanjang tempoh berkenaan. Kes-kes yang dibawa ke Majlis Sulh di Mahkamah Syariah Selangor adalah seperti yang dinyatakan dalam Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia No. 1 Tahun 2010.

JAKESS telah melaksanakan Sulh bermula tahun 2000 dan undang-undang yang digunapakai adalah Kaedah Sulh Mahkamah Syariah Negeri Selangor 2001 yang merupakan pelopor undang-undang Sulh di Malaysia. Berikut adalah statistik kes Sulh yang dilaporkan oleh JAKESS bagi tahun 2009-2022:

**Jadual 1: Statistik kes Sulh di Mahkamah Syariah Selangor
(Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Selangor)**

Tahun	Berjaya	Gagal	Peratus kes selesai dengan Sulh (%)
2009	1,800	2,500	41.9
2010	2,000	2,900	40.8
2011	2,400	2,800	46.1
2012	2,000	2,100	48.7
2013	2,200	2,300	48.8
2016	1,325	487	73.1
2017	1,363	564	70.7
2018	1,240	537	69.8

2019	1,589	592	72.9
2020	1,149	438	72.4
2021	852	370	69.7
2022	1,423	580	71

Berdasarkan statistik di atas, pada tahun 2009 sehingga 2013 peratusan kes yang berjaya diselesaikan melalui Sulh adalah kurang daripada 50% dan jumlah lambakan kes dicatatkan tertinggi dalam tempoh tersebut. Hal ini demikian kerana kes-kes yang tidak dapat diselesaikan akan dibawa ke tahun yang berikutnya dan memakan masa yang lama untuk diselesaikan atas faktor pertindihan kes yang lepas. Pada tahun 2016 sehingga 2022, statistik menunjukkan kes semakin berkurangan dan kadar penyelesaian melalui Sulh melebihi kadar 50%. Ini jelas menunjukkan keberkesanan Sulh sebagai alternatif dalam menyelesaikan kes-kes di Mahkamah Syariah sehingga mencapai 70% kes yang berjaya diselesaikan tanpa melalui proses perbicaraan.

Dalam usaha Mahkamah Syariah memperkasakan perkhidmatannya, Seksyen Sulh telah ditubuhkan di Selangor sebagai satu alternatif penyelesaian kes secara cepat dan dapat menjimatkan masa dan kos pihak-pihak. Seksyen Sulh ini diwujudkan di JAKESS mulai 1hb Mei 2002 dengan misi menyelesaikan pertikaian secara damai. Seksyen Sulh pada tahun 2014 telah berjaya mencapai sasaran Objektif Kualiti yang disasarkan. Objektif Kualiti Pertama adalah memastikan 88% kes Sulh yang dibawa dari tahun 2013 dan didaftarkan pada tahun 2014 akan diselesaikan pada tahun 2014, Seksyen Sulh telah berjaya mencapai sebanyak 90.25 % kes yang dapat diselesaikan.

Objektif Kualiti yang kedua adalah untuk memastikan pencapaian 90% perjanjian penyelesaian Sulh disebut di hadapan hakim pada hari yang sama perjanjian penyelesaian ditandatangani juga berjaya dicapai dengan pencapaian 100% manakala bagi Objektif Kualiti ketiga, iaitu untuk memastikan 50% kes Sulh yang hadir di hadapan Pegawai Sulh pada tahun 2014 adalah berstatus berjaya juga dapat dipenuhi dengan pencapaian 68.35% kes yang berjaya. Bagi mengelakkan tunggakan kes pembubaran perkahwinan yang didaftarkan pada tahun 2017 dan ke bawah, JAKESS telah menetapkan KPI penyelesaian kes tersebut sebanyak 90% pada tahun 2019.

Sehingga Disember 2019, JAKESS berjaya menyelesaikan sebanyak 97% daripada kes pembubaran perkahwinan yang didaftarkan pada tahun 2017 dan ke bawah dan hanya tinggal 3 kes sahaja yang masih belum diselesaikan pada tahun 2019. 3 kes tersebut tidak dapat diselesaikan kerana ia melibatkan kes rayuan dan semakan ke mahkamah yang lebih tinggi. Peningkatan pendaftaran kes Mal pada tahun 2019 adalah disebabkan oleh faktor berlakunya peningkatan kes pembubaran perkahwinan. Pada tahun 2019, pendaftaran kes pembubaran perkahwinan meningkat sebanyak 12% (1,425 kes) berbanding pendaftaran tahun 2018. Daripada 13,285 kes, sebanyak 2,717 kes atau bersamaan 20% diselesaikan melalui fast track. Ini menunjukkan bahawa turut membantu dalam mempercepatkan penyelesaian kes di JAKESS. Selain fast track, Sulh juga memainkan peranan penting dalam membantu mempercepatkan penyelesaian kes di Negeri Selangor. Pada tahun 2019, sebanyak 2,187 kes dikendalikan dalam Majlis Sulh. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,596 kes (73%) berjaya selesai melalui Majlis Sulh. Ini menunjukkan bahawa Sulh juga membantu mahkamah dalam mempercepatkan penyelesaian kes (Laporan Tahunan JAKESS, 2019).

Pada tahun 2020 pula, sebanyak 2,854 kes direkodkan iaitu bersamaan 9% daripada jumlah kes mal yang didaftarkan dirujuk ke malis sulh dan 1,592 kes (55.8%) mendapat kerjasama pihak-pihak dan hadir bagi menjalani prosiding sulh. Sebanyak 1,153 kes bersamaan 72.4% berjaya diselesaikan melalui majlis sulh. Secara kesimpulannya, Majlis Sulh membantu mahkamah dalam mempercepatkan penyelesaian kes dan seterusnya mengurangkan kes-kes tertunggak sebanyak 72.4% bagi tahun 2020 (Laporan Tahunan JAKESS, 2020). Melalui laporan Selangorkini pada 15 Disember 2022, Ketua

Hakim Syariah Selangor Dato' Mohammad Adib Husain semasa berucap dalam sidang media selepas Persidangan Komuniti Sulh dan Rakan Bahagian Sokongan Keluarga di Hotel Mardhiyyah menyatakan bahawa JAKESS turut menawarkan prosiding Sulh secara dalam talian sejak negara dilanda pandemik Covid-19 dan diteruskan hingga kini termasuk fizikal demi kemaslahatan ummah sebagai pemudahcara untuk mengekang ketidakhadiran pihak-pihak ke Majlis Sulh.

2) *Analisa Kes-Kes Sulh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL)*

Pelaksanaan Sulh di Wilayah Persekutuan telah dimulakan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mulai 17 November 2001 sebagai percubaan hasil daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Tindakan bagi menangani masalah kelewatan serta kelemahan perjalanan kes-kes Mahkamah Syariah pada Julai 2001 yang tercetus kepada penderafan Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Wilayah-Wilayah Persekutuan 1998 memandangkan proses Sulh pada ketika itu dikendalikan oleh Pendaftar atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah (MRS) sebelum lantikan Pegawai Sulh (Raihanah Azahari, 2005). Unit Sulh telah ditubuhkan pada bulan April 2005 yang menempatkan seramai empat orang pegawai Sulh bagi mengendalikan kes-kes Sulh di mana dua orang pegawai ditempatkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (A. Ahmad et. al, 2015).

Punca kuasa penetapan Sulh ialah pada Seksyen 99 yang menyatakan pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh untuk menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian mengikut Hukum Syarak. Tuntutan yang boleh dibawa ke Majlis Sulh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan juga berdasarkan Arahan Amalan No.1 2010 seperti yang digunakan di negeri Selangor.

Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, terdapat beberapa kes tuntutan tertinggi yang menjadikan Majlis Sulh sebagai salah satu cara penyelesaian pertikaian. Berdasarkan statistik yang berjaya dikumpulkan sekadar yang mampu bermula antara tahun 2007 hingga 2019 untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, menunjukkan penggunaan kaedah mediasi Sulh mengalami peningkatan dan penurunan pada tahun-tahun tertentu. Walau bagaimanapun, secara umumnya corak perjalanan pendaftaran kes dan penyelesaian kes melalui Sulh boleh dikatakan meningkat dan memberi impak yang memberangsangkan saban tahun. Berikut merupakan statistik yang dilaporkan dan berjaya diperoleh:

Jadual 2.1: Statistik Kes Sulh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (sumber: Laporan Tahunan JKSM Tahun 2008, 2009 & 2010)

Tahun	Daftar kes	Berjaya	Gagal	Tidak hadir	Peratus kes selesai-berjaya(%)	Jumlah kes
2008	628	312	146	178	49	636
2009	1114	574	280	197	54	1051
2010	1460	657	185	130	45	1294

Kajian mendapati bahawa data yang berjaya diperoleh secara lengkap ialah berhubung dengan bilangan pendaftaran kes mengikut tahun di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan sahaja. Manakala, untuk elemen-elemen yang lain seperti kes selesai-berjaya, selesai-gagal, selesai-tidak hadir, peratusan kes selesai dengan Sulh dan jumlah keseluruhan kes untuk sesuatu tahun tidak memperuntukkan maklumat data secara terperinci mengikut tahun dan tidak memenuhi semua elemen yang disebutkan. Contohnya, terdapat tahun di mana laporan tahunan JKSM melaporkan statistik merangkumi semua elemen, dan terdapat tahun yang tidak dinyatakan statistik Sulh sama sekali serta tahun di mana statistik yang dinyatakan adalah secara umum merangkumi semua negeri. Bahkan terdapat tahun di mana maklumat tidak berjaya untuk diakses yang menyebabkan berlaku kekangan untuk menjalankan kajian keberkesanan kaedah mediasi Sulh di Wilayah Persekutuan secara sempurna.

Berdasarkan Jadual 2.1 di atas, statistik daripada tahun 2008 hingga tahun 2010, bilangan pendaftaran kes di bawah unit Sulh telah meningkat walaupun pada tahun 2008 bilangan kes yang didaftarkan menurun berbanding tahun 2007 disebabkan oleh faktor dalaman seperti kenaikan pangkat pegawai yang menyebabkan kekosongan jawatan Hakim Syarie kerana sesi Sulh pada ketika itu dikendalikan oleh seorang Pegawai Sulh sahaja. Sungguhpun begitu, baki kes pada tahun 2007 yang dibawa ke tahun 2008 hanya berjumlah 89 kes sahaja berbanding pendaftaran kes yang tinggi yang mana dilihat Sulh berkesan dalam menyelesaikan kes. Keberkesanan Sulh pada tahun 2008 tidak termasuk kategori tidak hadir ialah 68%. Pada tahun berikutnya iaitu, 2009 hingga 2010, jumlah kes yang masih memerlukan tindakan dan dalam prosiding kurang daripada 500 kes bagi dua tahun untuk dibandingkan dengan jumlah pendaftaran kes pada tahun 2009 dan 2010 yang berjumlah 2,574 kes yang menunjukkan peningkatan positif saban tahun. Perbezaan peratusan kes selesai pada tahun 2009 hanya pada kadar 1% sahaja menurun daripada tahun 2008 walaupun terdapat pertambahan kes selesai-berjaya sebanyak 262 kes. Peratusan selesai dengan Sulh untuk kedua-dua tahun ini masing-masing adalah 67% untuk 2009 dan 78% untuk tahun 2010. Ini menunjukkan tahun 2010 merekodkan peratusan keberkesanan Sulh yang paling tinggi antara semua tahun.

Jadual 2.2: Peratusan Kendalian Sulh Bagi Tuntutan Daftar Tertinggi di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2011-2014¹

Tahun	Daftar kes	Peratusan Mengikut Kes(%)				
		Muta'ah	Harta sepencarian	Nafkah iddah	Nafkah anak	Hadhanah
2011	1112	81	81	80	78	81
2012	799	83	94	84	87	94
2013	1084	97	95	93	96	96
2014	1206	91	96	92	92	95

Merujuk kepada satu kajian terdahulu yang dijalankan oleh A. Ahmad et.al pada tahun 2015, statistik mengikut tuntutan kes pada tahun 2011 hingga 2014 merekodkan antara kes-kes popular di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan yang menggunakan kaedah Sulh terdiri daripada tuntutan mutaah, tuntutan harta sepencarian, tuntutan nafkah iddah, nafkah anak dan hadhanah atau hak jagaan anak. Selain itu, pada tahun 2012 dan 2013, terdapat penurunan kes berlaku secara spesifiknya untuk bulan Ogos iaitu sebanyak 49 kes direkodkan pada tahun 2012, manakala terdapat 46 kes direkodkan pada tahun 2013 yang menjadikan peratusan penyelesaian kes pada tahun 2013 bulan Ogos menurun iaitu sebanyak 93% dengan kadar 43 daripada 46 kes berjaya diselesaikan berbanding peratusan penyelesaian kes pada bulan Ogos tahun 2012 iaitu sebanyak 95.91% lebih tinggi dengan kadar 47 daripada 49 kes yang telah direkodkan.

Namun, secara keseluruhannya, pendaftaran kes dan pola peratusan kes selesai secara sulh meningkat untuk tempoh empat tahun (2011-2014) dengan peningkatan tuntutan kes yang melibatkan isu hadhanah. Pendaftaran kes secara spesifik menunjukkan bahawa tuntutan hadhanah yang difailkan boleh mencapai kadar 400 hingga 415 bilangan kes setahun. Dapatan ini menunjukkan bahawa penentuan hak jagaan anak merupakan isu yang besar dalam tempoh terbabit. Manakala, bagi peratusan kes selesai secara Sulh untuk tempoh empat tahun ini menunjukkan peningkatan yang positif apabila pada tahun 2011, kebanyakan kes popular yang difailkan berjaya diselesaikan dengan kadar yang tinggi iaitu dalam lingkungan 78% hingga 81%. Kemudian, bagi tahun 2012, peratusan kes selesai ialah dalam

¹ Journal of Advanced Research Design ISSN (online): 2289-7984 | Vol. 15, No. 1, 2015

lingkungan 83% hingga 94%. Manakala bagi tahun 2013, pencapaian keberkesanan penyelesaian kes mutaah merekodkan peratusan penyelesaian kes tertinggi iaitu sebanyak 97% keberkesananannya diikuti 96% peratusan penyelesaian kes bagi tuntutan nafkah anak dan hadhanah. Seterusnya, bagi tahun 2014, tuntutan harta sepencarian mendominasi peratusan penyelesaian kes secara Sulh sebanyak 96% diikuti dengan tuntutan hadhanah sebanyak 95%.

Jadual 2.3: Statistik Pendaftaran Kes Sulh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (sumber:Set Data Pendaftaran Kes Sulh JKSM 2013-2017).

Tahun	Daftar kes
2015	1216
2016	1584
2017	1599

Seterusnya, untuk statistik kes Sulh bagi tahun 2015 hingga 2017 menunjukkan peningkatan pendaftaran kes yang memberangsangkan sahaja yang mana ia tidak merangkumi data berkenaan peratusan kes selesai. Data yang diperoleh hanya melibatkan kadar kes yang didaftarkan iaitu pada tahun 2015 adalah sebanyak 1216, seterusnya pada tahun 2016 sebanyak 1584 dengan kadar peningkatan bilangan kes sebanyak 368 kes. Kemudian, pada tahun 2017 turut berlaku penambahan pendaftaran kes sebanyak 1599 yang menjadikan pertambahan bilangan kes pada tahun ini berjumlah 15 kes.

Jadual 2.4: Statistik Kes Sulh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (sumber:Laporan Tahunan JKSM 2018-2019).

Tahun	Daftar kes	Berjaya	Gagal	Tidak hadir	Peratus kes selesai-berjaya(%)	Jumlah kes
2018	1426	610	235	396	43	1322
2019	1467	649	291	507	44	1447

Jadual 2.4 Menunjukkan statistik pengendalian Sulh bagi tahun 2018 dan 2019. Jumlah bilangan kes yang didaftarkan pada tahun 2018 sebanyak 1426 kes sahaja berbanding tahun 2017 yang menyebabkan berlaku penurunan pendaftaran kes sebanyak 173 bilangan kes. Bilangan kes kategori selesai-berjaya ialah sebanyak 610 kes, manakala selesai-gagal berjumlah 235 kes dan selesai-tidak hadir berjumlah 396 kes. Analisa terhadap statistik kes sulh ini menjelaskan bahawa isu ketidakhadiran pihak-pihak ke Majlis Sulh merupakan faktor yang mempengaruhi peningkatan kadar kes yang berstatus gagal dan tertangguh. Bagi tahun 2019 pula, pendaftaran kes ialah sebanyak 1467 kes lebih daripada tahun 2018. Bilangan kes kategori selesai-berjaya ialah sebanyak 649 kes, manakala selesai-gagal berjumlah 291 kes dan selesai-tidak hadir mencatat jumlah yang membimbangkan iaitu sebanyak 507 kes. Secara keseluruhannya, peratusan kes bagi tahun 2018 ialah mencapai 72% berbanding peratusan penyelesaian kes pada tahun 2019 iaitu sebanyak 69%. Peratusan penyelesaian kes tahun 2019 menurun sebanyak 3% sahaja walaupun kadar kes berjaya lebih tinggi daripada tahun 2018 kerana terdapat penambahan kes gagal. Berikut merupakan pengumpulan data secara rawak yang dapat dikumpul secara kolektif untuk tahun-tahun terpilih hasil pemerhatian dan kajian yang dijalankan bagi memenuhi kajian analisis keberkesanan mediasi Sulh di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jadual 2.5: Data Terkumpul Kes Sulh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Bagi Tahun Terpilih 2008, 2009, 2010, 2018 & 2019.

Tahun	Kes Sulh Berjaya	Kes Sulh Gagal	Peratus kes selesai dengan Sulh (%)
2008	312	146	68

2009	574	280	67
2010	657	185	78
2018	610	235	72
2019	649	291	69

Jadual 2.5 menunjukkan peratusan kes Sulh untuk lima tahun terpilih iaitu 2008, 2009, 2010, 2018 & 2019. Peratusan kes selesai pada tahun 2009 menurun sebanyak 1% daripada tahun 2008 walaupun terdapat pertambahan kes selesai-berjaya dan mengalami peningkatan penyelesaian kes pada tahun 2010 setinggi 78%. ini menjadikan peratusan tahun 2010 sebagai tahun yang paling tinggi antara 5 tahun berikut. Manakala, tahun 2018 menunjukkan kes selesai berkurang dengan perbezaan sebanyak 47 kes selesai dan jumlah kes gagal yang meningkat menjadikan peratusan penyelesaian menurun kepada 72% daripada tahun 2010. Peratusan penyelesaian kes tahun 2019 mengalami penurunan yang tidak ketara sebanyak 3% walaupun kadar kes berjaya lebih tinggi berbanding tahun 2018 kerana terdapat pertambahan kes gagal. Ini menunjukkan bahawa Sulh yang berjaya diselesaikan tanpa melalui proses perbicaraan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengalami keberkesanan yang positif dan mampu mencapai anggaran keberhasilan setinggi 70%.

Sungguhpun begitu, Sulh dan mediasi tetap dilihat sebagai salah satu cabang resolusi pertikaian alternatif yang amat sesuai digunakan untuk kes-kes yang telah sedia diperuntukkan. Namun, kerjasama pihak-pihak yang bertikai amat mempengaruhi perjalanan kes sama ada sesuatu kes dapat diselesaikan atau tidak.

3) *Analisa Kes-Kes Sulh di Negeri Sembilan*

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) telah melaksanakan Majlis Sulh bermula tahun 2006 sehingga kini. Punca kuasa bagi Sulh juga di Negeri Sembilan juga berdasarkan seksyen 99 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah tahun 2003 'Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh bagi menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah sebagaimana yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian, mengikut Hukum Syarak.' Sulh ini juga pada mulanya mempunyai isu dan pelbagai cabaran pada mulanya kerana ianya kurang kakitangan dan meletakkan beban terhadap Hakim untuk menjalankan dua tugas dalam satu masa akan tetapi bebanan ini diringankan dengan meletakkan pegawai syariah sebagai pegawai Sulh pada tahun 2010, pada masa yang sama Arahan Amalan daripada Jabatan Kehakiman Syariah (JKSM) dikeluarkan bagi kes yang boleh diselesaikan didalam Majlis Sulh.

Kes yang dibicarakan dalam Majlis Sulh di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan ada 18 kes ini berdasarkan Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh JKSM. Analisa kes di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan menunjukkan terdapat beberapa kes yang sering dibicarakan antaranya adalah kes hadhanah, tuntutan nafkah dan harta sepencarian. Walau bagaimanapun, ada juga kes yang melibatkan beberapa kes yang lain sepertimana yang disenaraikan dalam Arahan Amalan No. 1 tahun 2010 ini kerana Negeri Sembilan merupakan negeri guna sama iaitu negeri ini terikat dengan Arahan Amalan yang dikeluarkan oleh JKSM kecuali negeri yang tidak guna sama mungkin ada kelainan sedikit daripada sudut kes yang mereka uruskan sebagai contoh Terengganu membicarakan kes cerai di Majlis Sulh.

Analisa kes yang dilakukan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) mendapati penyelesaian Majlis Sulh merupakan salah satu inisiatif untuk mempercepatkan dan menapis proses mahkamah ini kerana penyelesaian sulh ada dua iaitu mencapai persetujuan bersama atau gagal yang mana akan dibawa ke mahkamah maka kes yang tertangguh dapat ditapis dan selesai dengan lebih cepat dan jimat. Pada mulanya Masyarakat awam agak kurang mengetahui mengenai Majlis Sulh ini sendiri tetapi zaman semakin maju, Masyarakat awam juga boleh mengetahui maklumat Majlis Sulh dihujung jari sahaja. Berikut adalah Jadual 3 yang menganalisis kes Sulh di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan daripada tahun 2017-2020:

**Jadual 3: Statistik kes yang didaftarkan Majlis Sulh di Mahkamah Syariah Sembilan
(Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan)**

Tahun	Daftar Kes	Selesai Berjaya	Selesai Gagal	Selesai Tidak Hadir	Jumlah Selesai
2017	1,456	684	255	316	1,255
2018	1,340	639	260	441	1,340
2019	1,456	740	254	462	1,456
2020	1,086	559	182	345	1,086

Jadual 3 menunjukkan bahawa peratus kes yang diselesaikan semakin meningkat. Berdasarkan jadual diatas pada tahun 2017, 73% (tidak termasuk kes tidak hadir) kes yang diselesaikan sebanyak 201 kes yang masih tertangguh pada waktu itu. Manakala kes pada tahun 2018 yang mencapai persetujuan adalah sebanyak 639 bersamaan 71% (tidak termasuk kes yang tidak hadir). Pada tahun 2019, kes yang berjaya mencapai persetujuan meningkat sebanyak 740 bersamaan 74% (tidak termasuk kes yang tidak hadir) kes yang diselesaikan berjaya. Akhir sekali pada tahun 2020 iaitu tahun yang Malaysia menghadapi Covid-19 membawa kesan kepada semua sektor begitu juga kes di Mahkamah yang tertangguh walaupun begitu kes sulh yang dibicarakan tidak terjejas malahan angka bagi kes berjaya mencapai 559 bersamaan dengan 72% (tidak termasuk kes yang tidak hadir) kes dibicarakan dan diselesaikan.

Perbandingan Keberkesanan Pelaksanaan Sulh

Keberkesanan Majlis Sulh di sesebuah negeri bergantung terhadap isu dan permasalahan yang dihadapi oleh mahkamah tersebut daripada segi rekod ketidakhadiran pihak-pihak mahupun kekurangan tenaga kerja bagi setiap Negeri. Justeru perbandingan ini dilakukan bagi menganalisis negeri yang mempunyai keberkesanan dalam mengamalkan atau melakukan Majlis Sulh yang lebih maju dan memberi kesan yang besar terhadap pihak-pihak yang terlibat:

Jadual 4: Perbandingan pelaksanaan Sulh dan Peruntukan Undang-Undang di antara Negeri Sembilan, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Perkara	Negeri Sembilan	Selangor	Wilayah Persekutuan
Keberkesanan	71%	72%	70%
Permulaan	2006	2002	2005
Kaedah-Kaedah	Kaedah-kaedah Tatacara Sulh tahun 2016	Kaedah-kaedah Tatacara Sulh tahun 2001	Kaedah-kaedah Tatacara Sulh tahun 2004
Aturan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nama dan permulaan kuat kuasa 2. Pemakaian dan ketidakpakaian 3. Tafsiran 4. Borang 5. Penubuhan Majlis Sulh 6. Permulaan Sulh 7. Tempoh Sulh 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nama dan mula berkuatkuasa. 2. Tafsiran. 3. Penetapan tarikh sulh. 4. Ketidakhadiran pihak-pihak, dsb. 5. Tatacara Sulh. 6. Penghakiman Pengakuan atau Persetujuan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nama, permulaan kuat kuasa dan ketidakpakaian 2. Tafsiran 3. Penetapan tarikh sulh 4. Ketidakhadiran menjadi penghinaan mahkamah 5. Tatacara bagi sulh

8. Perlanjutan masa	7. Jika tiada persetujuan dsb.	6. Penghakiman atas pengakuan atau persetujuan
9. Tatacara sulh	8. Perbicaraan.	7. Laporan jika tiada penyelesaian
10. Perjalanan Majlis Sulh	9. Tiada Kos.	8. Pendengaran
11. Perjanjian Penyelesaian		9. Tiada kos
12. Penghakiman, pengakuan atau persetujuan		
13. Penamatan Majlis Sulh		
14. Laporan kegagalan penyelesaian		
15. Etiket Pegawai Sulh		
16. Kerahsiaan		
17. Perlindungan Pegawai Sulh		

Perbandingan dilakukan secara data yang didapati menunjukkan bahawa Majlis Sulh di Negeri Sembilan terkedepan jika dibandingkan antara 3 negeri walaupun permulaan bagi Negeri Sembilan dalam Majlis Sulh agak lambat akan tetapi perkara itu tidak menjadikan alasan. Dari segi aturan juga kita dapati Negeri Sembilan mengemaskini Kaedah-kaedah tatacara sulh mereka mengikut proses kerja manual yang sudah ditetapkan oleh pihak JKSM. Akan tetapi negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan juga dapat mengekalkan peratusan mereka dalam menjayakan Majlis Sulh tambahan pula kes Sulh di setiap negeri meningkat saban tahun.

Jika dapati perbandingan diantara tiga negeri ini dan negeri-negeri yang lain adalah senarai kes Sulh sebagai contoh di negeri Terengganu ada senarai kes Sulh yang termasuk kes penceraian akan tetapi tidak ada pada ketiga-tiga negeri ini yang menjalankan kes penceraian melalui perbicaraan ataupun di Selangor ada menyediakan perkhidmatan cerai secara 'Fast Track' iaitu yang dimana proses penceraian tidak mengambil masa yang lama sepertimana kebiasaannya. Tujuan proses ini diwujudkan bukan semata-mata untuk menyelesaikan kes cerai dengan sewenang-wenangnya tanpa perlu melalui langkah-langkah yang sewajarnya bagi membendung kes penceraian di Negeri Selangor akan tetapi bagi memudahkan dan menyelesaikan pelanggan yang membuat aduan mengenai proses penceraian yang lambat. Jika kes penceraian dimasukkan dalam senarai kes Sulh bagi ketiga-tiga negeri di atas kemungkinan lambakan kes dalam statistik ketiga-tiga negeri ini semakin bertambah kerana populasi orang yang tinggal di Selangor dan Kuala Lumpur negeri ini adalah lebih tinggi berbanding populasi yang berada di Terengganu walaupun keluasan bumi mereka lebih luas, seperti berikut:

**Jadual 5: Populasi Penduduk
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia)**

No.	Negeri	Jumlah Populasi	Pertumbuhan Populasi
1.	Selangor	7.4 juta	2.1%
2.	Kuala Lumpur	2.1 juta	3.1%
3.	Terengganu	1.2 juta	1.8%

Cadangan Penambahbaikan Penyelesaian Kes Melalui Majlis Sulh

Pelaksanaan aturan “Penghinaan Mahkamah” dalam Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Negeri bagi isu ketidakhadiran pihak-pihak

Ketidakhadiran pihak-pihak ke majlis sulh adalah antara faktor-faktor kegagalan Majlis Sulh untuk mencapai persetujuan (Raihanah Azahari, 2008). Berdasarkan statistik penyelesaian kes melalui Sulh antara ketiga-tiga negeri yang diperincikan pada pertengahan kajian, sebahagian besar yang menyumbang kepada kegagalan Sulh adalah disebabkan ketidakhadiran salah satu pihak. Sungguh pun ketidakhadiran pihak-pihak ke sesi Sulh sepertimana yang dijadualkan oleh Mahkamah dan dimaklumkan melalui saman telah diklasifikasikan sebagai Penghinaan Mahkamah namun tidak diaplikasikan peruntukan tersebut sebagai amalan di Malaysia khususnya di Selangor dan WPKL. Justeru, adalah disarankan agar pihak Mahkamah menguatkuasakan peruntukan “Penghinaan Mahkamah” menurut Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Negeri sebagai inisiatif bagi mengekang permasalahan ketidakhadiran pihak-pihak ke sesi Sulh. Pihak-pihak yang sengaja tidak menghadirkan diri dan gagal memberikan alasan munasabah atas ketidakhadiran hendaklah dikenakan denda yang sewajarnya mengikut pertimbangan pihak mahkamah.

Selain itu, negeri-negeri lain juga boleh mengikut aturan yang digunapakai di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan melalui Seksyen 13 Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh (Negeri Sembilan) 2016. Menurut seksyen tersebut, kes dianggap selesai atau kes ditamatkan serta merta jika terdapat salah satu pihak yang tidak hadir ke sesi Sulh bagi mengekang lambakan kes atau penangguhan bagi penyelesaian kes yang boleh menyebabkan perjalanan kes di Mahkamah terganggu.

Meskipun secara amalnya di Mahkamah Syariah Selangor dan WPKL, jika salah satu pihak tidak menghadirkan diri ke sesi Sulh maka perbicaraan akan ditangguhkan dan dijadualkan semula sehingga mencapai maksimum 3 kali ketidakhadiran yang dicatatkan. Prosedur sebegini secara tidak langsung membuang masa mahkamah dan menyumbang kepada lambakan dan tunggakan kes yang tidak berjaya diselesaikan mengikut KPI yang ditetapkan oleh pihak mahkamah.

Peranan Peguam

Pihak Mahkamah hendaklah menasihatkan pihak-pihak agar mendapatkan khidmat peguam dalam membantu pihak-pihak menjalani prosedur tuntutan yang betul di Mahkamah. Dengan nasihat peguam, pihak-pihak akan didedahkan dengan realiti perundangan dan lebih bersedia untuk memberikan kerjasama yang baik bagi penyelesaian kes. Prosedur tuntutan yang betul adalah perlu untuk dititikberatkan bagi memastikan kelancaran kes. Sejarar dengan peredaran zaman dan kemajuan teknologi semasa, sistem pengurusan di Mahkamah juga telah beralih dan lebih memfokuskan secara atas talian bagi apa jua tuntutan atau permohonan yang ingin difailkan. Oleh itu, pihak-pihak perlu mengambil inisiatif untuk mendapatkan khidmat peguam bagi penyediaan tuntutan supaya perjalanan kes lebih mudah dan lancar bagi mengelakkan kecacatan prosedur seperti kegagalan penyampaian saman, maklumat tidak lengkap dan sebagainya yang boleh membantutkan perjalanan kes.

Di samping itu, Peguam Syarie juga boleh mengendalikan Majlis Sulh di luar Mahkamah atau menyediakan Perjanjian Persetujuan dan membuat pengendorsan di hadapan hakim untuk dikuatkuasakan sebagai satu perintah. Ini adalah berselarasan dengan Arahan Amalan JKSM 2/2012 (Perjanjian Penyelesaian / Persetujuan yang dibuat oleh Peguam Syarie atau Pihak-Pihak) bahawa bagi kes-kes yang disertakan perjanjian penyelesaian / persetujuan yang dibuat oleh peguam atau pihak-pihak tidak perlu dirujuk ke Majlis Sulh di peringkat Pendaftaran. Justeru, peguam juga boleh membantu pihak-pihak di luar Mahkamah untuk mencapai persetujuan tanpa melalui proses Sulh di Mahkamah.

Kesimpulan

Dapat disimpulkan kaedah perdamaian dalam menyelesaikan pertikaian di luar perbicaraan bukan lagi suatu fenomena baharu di mahkamah syariah. Hal ini kerana pemakaian sulh sudah diamalkan sejak sekian lama bagi menangani isu lambakan kes yang tertangguh dan mempercepatkan urusan tuntutan dibuat berbanding kaedah perbicaraan seperti kebiasaannya. Justeru, statistik keberkesanan Sulh yang dijalankan di mahkamah Syariah di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan menunjukkan trend yang positif dalam usaha menjadikan sulh sebagai kaedah utama dalam menyelesaikan kes-kes syariah yang difailkan di mahkamah syariah dapat dikawal selia dengan cara yang lebih produktif dan proaktif seiring dengan perkembangan teknologi masa kini.

Konflik Kepentingan

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan dalam menerbitkan artikel ini.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Fakulti Syariah dan Undang-undang atas pembiayaan penyertaan persidangan dan penerbitan prosiding ini.

Rujukan

Al-Quran

Al Sana'ani. (2000). Subul al-Salam. Jil 3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm 59.

A. Ahmad et. al., 2015. Hak Penyertaan Kanak –Kanak dalam Prosiding Sulh (Mediasi) Di Mahkamah Syariah. Journal of Advanced Research Design ISSN (online): 2289-7984 | Vol. 15, No. 1, Pages 1-14, 2015. Penerbit Akademia Baru.

Adzidah Yaakob et. al. 2019. Pengenalan Dan Keberkesanan Sulh Di Mahkamah Syariah. Penerbit USIM. Universiti Sains Islam Malaysia.

Zaini Nasohah. 2012. Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia Peruntukan Akta dan Enakmen. Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Buku, Buletin dan Laporan JKSM (2008-2019). 2024

https://archive.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pendaftaran-sulh-mahkamah-syariah-seluruh-malaysia. Dicapai pada 14 Jun 2024.

Hidayat Buang et. al. 2022. Pemerkasaan Pelaksanaan Sulh Dalam Kes-kes Hartanah Melalui Pemakaian Arahan Amalan Di Mahkamah Syariah Di Malaysia. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. <https://e-journal.uum.edu.my/index.php/uumjls/article/view/12971/3505>.

Blocher, D. (2011). Terrorism as an international crime: The definitional problem. *Eyes on the ICC*, 8(1), 107-138.

Raihanah Azahari. 2005. “Sulh dalam Perundangan Islam: Kajian di Jabatan Kehakiman Syariah Selangor Darul Ehsan (JAKESS)”. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Fiqh Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Statistik Pendaftaran Sulh Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia 2013-2017. 2024. https://archive.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/statistik-pendaftaran-sulh-mahkamah-syariah-seluruh-malaysia. Dicapai pada 7 Jun 2024.

Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. 2014.

https://www.jakess.gov.my/images/ebook/pdf/LAPORAN_TAHUNAN_JAKESS_2013-2014.pdf. Dicapai pada 7 Jun 2024

Nur Zulfah & Shamimi. 2022. Pelaksanaan Sulh Norma Baharu Di Mahkamah Syariah. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). https://www.researchgate.net/profile/Nur-ZulfahSalam/publication/367307964_PELAKSANAAN_SULH_NORMA_BAHARU_DI_MAHKAMAH_SYARIAH/links/63cb551be922c50e99af6a36/PELAKSANAAN-SULH-NORMA-BAHARU-DI-MAHKAMAH-SYARIAH.pdf

Portal Rasmi Dewan Negeri Selangor. n.d. <https://dewan.selangor.gov.my/question/mahkamah-syariah-negeri-selangor/>. Dicapai pada 7 Jun 2024.

Portal Rasmi Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan. 2024. <https://www.mswp.gov.my/portal-main/article?id=fungsi-seksyen-sulh>. Dicapai pada 3 Jun 2024.

- Portal Rasmi Majlis Agama Islam Selangor. 2024. Perdamaian Tanpa Bersengketa (SULH).
<https://mais.gov.my/artikel-dakwah/perdamaian-tanpa-bersengketa-sulh/>. Dicapai pada 7 Jun 2024.
- Suhaizad et. al. 2023. Sulh Sebagai Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Alternatif Di Mahkamah Syariah Negeri Sembilan: Analisis Pelaksanaan Dan Keberkesanan.
<https://conference.uis.edu.my/iconsyal/images/2023/eproceeding/1013.pdf>.